

27/07/1997

Soros dalang jatuhkan mata wang Asean (HL)

Zainudin Isa; Hizral Tazzif Hisham

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengesahkan George Soros, pembiaya kewangan antarabangsa yang berpangkalan di Amerika Syarikat, menjadi dalang yang bertanggungjawab menyebabkan kejatuhan nilai mata wang negara Asean sejak beberapa minggu lalu.

Sambil menyifatkan Soros - bangsa Yahudi keturunan Hungary, sebagai penjenayah, Perdana Menteri berkata, kejatuhan itu menyebabkan ramai rakyat di rantau ini, termasuk Malaysia, menderita kerana menanggung kos yang tinggi berikutan terpaksa mengimport barangan luar.

"Saya mengesahkan bahawa orang yang saya perkatikan itu ialah George Soros. Agak sukar untuk memisahkan tangan kiri dengan tangan kanan.

"Kadangkala anda tidak tahu apa yang tangan kanan anda lakukan. Saya fikir sangat sukar untuk memisahkan personaliti anda kecuali dia itu skizofrenia (seseorang yang mengalami penyakit otak apabila tiada hubungan di antara pemikiran dan perbuatannya)," katanya.

Dr Mahathir membuat pengesahan itu selepas diminta wartawan supaya menjelaskan lagi berhubung kenyataannya bahawa kejatuhan nilai mata wang negara Asean itu adalah akibat permainan spekulator asing.

Perdana Menteri kali pertama membangkitkan isu itu sewaktu mengadakan lawatan ke Jepun, baru-baru ini. Perkara itu disentuh lagi dalam ucapannya pada majlis perasmian Mesyuarat Menteri Luar Asean (AMM) ke-30, Jumaat lalu.

Bagaimanapun, Dr Mahathir tidak menamakan spekulator asing terbabit, tetapi menyarankan semua bank pusat Asean bekerjasama bagi membantu mengurangkan tekanan spekulatif mata wang di rantau ini.

Berikutan kenyataan itu, Menteri Luar Asean dalam mesyuaratnya kelmarin mengambil keputusan menyerahkan kepada menteri kewangan menyelesaikan isu itu.

Soros dalam kenyataannya kelmarin, menafikan beliau bertanggungjawab menyebabkan kejatuhan nilai mata wang Ringgit Malaysia dan beberapa negara Asean, tetapi mengakui mahukan Malaysia dan Thailand menyekat kemasukan Myanmar dalam Asean, Rabu lalu.

Dalam sidang akhbar selepas majlis pelancaran 15 Konsep Permohonan Cadangan Permohonan Tender (CRFP) Aplikasi Perdana bagi Koridor Raya Multimedia (MSC), di sini, semalam, Dr Mahathir berkata, beliau tidak faham kenapa orang seperti Soros yang mendakwa memperjuangkan hak kemanusiaan, turut memperkecilkan kedudukan ekonomi negara lain.

Soros, ketua penasihat dana Kumpulan Quantum yang berpangkalan di Amerika, sangat terkenal dan berpengaruh dalam pasaran pertukaran asing. Beliau juga dikaitkan dengan kejatuhan besar dalam mata wang pound Britain hingga menyebabkan kemusnahan Mekanisme Kadar Tukaran Asing (ERM) pada 1992.

Dalam sidang akhbar yang turut dihadiri wartawan asing, Dr Mahathir juga ditanya mengenai tindakan yang sepatutnya diambil terhadap Soros kerana tindakannya itu.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak faham mengapa dunia tidak menganggap orang seperti Soros sebagai penjenayah, sebaliknya orang yang membantu membangunkan rakyat dan negaranya sendiri dianggap penjenayah.

Beliau berkata, negara yang mengalami kejatuhan nilai mata wang selalunya terpaksa menanggung kos yang lebih disebabkan pertukaran mata wang.

(END)

